

# Logo lambang semangat RRG cinta damai

## Dilancar DPM Wong sempena majlis iftar kumpulan

Oleh CHAIRUL FAHMY HUSSAINI  
chairul@sph.com.sg

**KUMPULAN** Pemulihan Keagamaan (RRG) kini mempunyai logo rasmi, yang melambangkan semangat kumpulan mencintai kedamaian.

Logonya itu dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Encik Wong Kan Seng, sempena lawatan beliau ke Masjid Khadijah, di Geylang Road, bagi menyertai majlis iftar, semalam.

Ketibaan Encik Wong, yang juga Menteri Ehsan Dalam Negeri, sekitar 5.45 petang disambut oleh kedua-dua pengerusi bersama RRG, Ustaz Ali Haji Mohamed dan Ustaz Mohd Hasbi Hassan, serta anggota lain kumpulan tersebut.

Selepas pelancaran logo itu, Encik Wong diberi taklimat oleh Ustaz Mohamed Ali mengenai usaha RRG mendekati masyarakat menerusi laman Internetnya, www.rrg.sg, bagi menerangkan tentang bahaya ekstremisme dan terorisme serta penyelewengan terhadap agama Islam.

Menerangkan mengapa la-

man itu berlatar belakang air, beliau berkata: "Air melambangkan kesucian dan ia juga mengembalikan kesegaran pada diri. Jadi, air berperanan dalam melembutkan hati mereka yang ingin kembali ke jalan Islam yang sebenar."

Kunjungan *Berita Harian* ke laman itu mendapati RRG berusaha mengetengahkan pelbagai cerakinan hasil tulisan cendekiawan Islam dan ahli akademik antarabangsa.

Bagi kemudahan orang ramai yang melunguri laman interaktif itu, RRG menyediakan artikel atau bahan bacaan dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Ustaz Mohamed juga menyatakan kumpulan itu telah memasang lima kain rentang yang memaparkan mesej kedamaian serta menggalak orang ramai melunguri lamannya di lima lokasi sekitar bazar Geylang Serai.

Dalam majlis itu, semalam, anggota urus setia RRG, Ustaz Mohd Feisal Mohd Hassan, pula menerangkan tentang aktiviti RRG sejak awal penubuhannya.

Menurutnya, kumpulan itu berusaha mendekati masyarakat Singapura melalui forum, ceramah dan dialog.

Turut hadir bersama Encik Wong ialah para pegawai kanan Kementerian Ehsan Dalam Negeri (MHA). Sekitar 100 hadirin di majlis itu dihidangkan, antara lain, kurma dan nasi beriani.




FOTO: TAUFIK A. KADER

**LOGO RASMI:** Encik Wong (*tengah*) bersalaman dengan Ustaz Ali dengan diperhatikan Ustaz Hasbi ketika melancarkan logo rasmi RRG (*latar belakang*) di Masjid Khadijah semalam.